

***Tarikh Dibaca: 15 DIS 2017M I 26 RABIULAWAL 1439H***

# **KHUTBAH JUMAAT**

***Tajuk:***

***“SELAMATKAN MASJID AL-AQSA”***

***\*\*\****

***Terbitan:***

***Unit Khutbah***

***Bahagian Pengurusan Masjid***

***JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



## **SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2017**

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)  
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 2. Tuan Haji Mohd Basori Bin Umar (Ahli)  
Timbalan Pengarah (Operasi), Jabatan Agama Islam Selangor**
- 3. Ketua Penolong Pengarah, (Setiausaha)  
Bahagian Pengurusan Masjid, Jabatan Agama Islam Selangor**
- 4. SS. Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)  
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 5. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)  
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
- 6. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)  
Pegawai Majlis Agama Islam Selangor**
- 7. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)  
Ketua Penolong Mufti (Fatwa), Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 8. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar (Ahli)  
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**
- 9. Yg. Berbahagia Dr. Haji Osman Bin Haji Sabran (Ahli)  
Pesara Kerajaan**
- 10. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)  
Pensyarah, Kolej Universiti Islam Selangor**
- 11. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)  
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**



## “SELAMATKAN MASJID AL-AQSA”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَقَتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ الَّذِينَ يُقْتِلُونَكُمْ  
وَلَا تَعْتَدُوا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ.<sup>1</sup>  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ  
أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آئِلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ  
وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:  
يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ ۖ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ  
مُسْلِمُونَ.

**Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan sebenar-benar taqwa sama ada dalam keadaan terang atau tersembunyi. Marilah kita bersama-sama berusaha memelihara dan mengelakkan diri kita daripada azab Allah SWT dengan melaksanakan amal-amal soleh dan menjauhi setiap larangannya.

Tajuk Khutbah pada hari ini adalah “**SELAMATKAN MASJID AL-AQSA**”.

**Hadirin yang Berbahagia,**

<sup>1</sup> Al-Baqarah : 190



Palestin telah melalui sejarah yang panjang dalam tamadun manusia dan menjadi rebutan kepada 3 agama. Namun demikian Palestin mempunyai kedudukan yang istimewa di dalam hati setiap muslim sejak zaman berzaman. Keistimewaan Palestin seperti yang terdapat di dalam al-Quran, al-Hadis dan kitab-kitab sejarah ialah:

1. Sebagai qiblat pertama umat Islam.
2. Masjid al-Aqsa adalah masjid kedua yang dibina di atas muka bumi dan masjid ketiga paling suci selepas Masjid al-Haram dan Masjid Al-Nabawi.
3. Tempat berlakunya Isra' dan Mikraj.
4. Harta waqaf umat Islam sehingga ke hari kiamat.
5. Tempat kelahiran para Nabi.

Kezaliman yang dilakukan oleh rejim Zionis yang bermula pada tahun 1948 setelah terbinanya negara haram Israel telah menyaksikan bukan sahaja isu-isu kemanusiaan semata-mata tetapi lebih daripada itu. Ia melibatkan isu akidah umat Islam, tanah air, maruah dan peradaban.

Sesungguhnya bumi Palestin yang terdapat di dalamnya kiblat pertama umat Islam adalah watan yang perlu dipertahankan oleh umat Islam seluruh dunia. Apatah lagi Masjid al-Aqsa merupakan persinggahan Rasulullah SAW sebelum di Mi'rajkan ke langit.

Firman Allah SWT dalam Surah Al-Israk ayat 1:

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَىٰ بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ  
الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَرَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِنْ  
آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١﴾



*“Maha suci Allah yang telah menjalankan hamba-Nya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid al-Haram (di Mekah) ke Masjid al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk perhatikan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Amat Mendengar lagi Amat Mengetahui”.*

Sejak berzaman lagi yahudi berusaha untuk meruntuhkan Masjid al-Aqsa bermula dengan siri pengebomannya terhadap masjid suci yang ketiga Umat Islam pada 1 Mei 1980 setelah mereka berusaha untuk memusnahkannya dengan membakarnya pada tahun 1969. Kini Masjid Al-Aqsa dalam keadaan lebih terancam. Usaha meruntuhkan masjid al-Aqsa giat dijalankan dengan menggali terowong-terowong di bawah masjid al-Aqsa supaya masjid ini runtuh dengan sendirinya dan didirikan di atasnya tempat ibadat kaum yahudi yang merupakan antara matlamat mereka untuk menguasai masjid al-Aqsa.

### **Muslimin yang dirahmati Allah SWT,**

Islam amat menghendaki umatnya bersatu menentang musuh tanpa mengenal sempadan dan warna kulit.

Firman Allah SWT dalam Surah Al-Hujurat ayat 15:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ آمَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ لَمْ  
يَرْتَابُوا وَجَاهَدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُولَئِكَ هُمُ  
الصَّادِقُونَ ﴿١٥﴾

*“Sesungguhnya orang-orang yang sebenar-benarnya beriman hanyalah orang-orang yang percaya kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian mereka (terus percaya dengan) tidak ragu-ragu lagi, serta*



*mereka berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah, mereka itulah orang-orang yang benar (pengakuan imannya)".*

Apa yang memeritkan, tatkala masyarakat Islam seluruh dunia bangun memprotes apa yang dilakukan oleh rejim zionis terhadap rakyat Palestin, terdapat di kalangan umat Islam yang tidak mengambil peduli dengan isu-isu Palestin. Bahkan lebih malang lagi ada umat Islam yang masih leka dan terus menyokong bantuan-bantuan yang telah diberikan kepada Israel melalui pembelian barangan makanan, rokok, mahupun perkhidmatan profesional yang secara jelas keuntungannya diberikan untuk membiayai negara Israel. Di manakah maruah umat Islam?

Inilah antara bahana yang berlaku apabila umat Islam terlalu bergantung dengan kuasa-kuasa besar dan bukannya kepada Allah SWT. Sikap ini perlu dibebaskan daripada jiwa kita dan kita wajib membantu rakyat Palestin dengan apa jua cara dan tindakan, yang bermula dengan doa kita kepada Allah sehinggalah kepada tekanan-tekanan yang boleh menyebabkan Yahudi dihalau keluar daripada negara yang mereka jajahi.

### **Hadirin yang berbahagia sekalian,**

Sesungguhnya kekejaman Zionis pasti akan berulang dan terus berulang tanpa mengenal siapa yang menjadi sasaran. Perdana menteri Israel Benjamin Netanyahu pada tahun 2010 dengan bangganya menyatakan Baitul Maqdis adalah ibu Negara Israel yang sah dan kini kita dikejutkan lagi dengan pengumuman presiden Amerika Syarikat yang mengiktiraf Baitul Maqdis sebagai ibu Negara Israel.

Dimanakah kita sekarang? Adakah kita masih lalai dan leka? Adakah kita masih banyak tidur dengan mimpi-mimpi indah? Umat Islam pada hakikatnya sekarang ini sedang disibukkan dengan isu-isu remeh-temeh yang menghancurkan. Umat Islam seolah-olah hanyut dengan kemewahan dan budaya hiburan yang melampau dan mengkhayalkan



yang akhirnya mereka lupa dengan apa yang berlaku terhadap saudaramara seakidah dengan mereka. Tusukan tajam jarum-jarum Zionis melalui hiburan, telah menyebabkan pegangan akidah umat Islam semakin longgar. Justeru, perasaan ukhuwah perlu disemai dan dibaja semula dengan iman dan Islam, agar apa yang berlaku di Palestin dirasai bersama sehingga menghasilkan tindakan-tindakan yang sesuai sebagai seorang muslim.

Bumi Palestin dinodai. Umat Islam Palestin dinafikan hak mereka. Rakyat Palestin menangis kesedihan kerana mereka yang serba kekurangan daripada semua sudut, berlawan bersendirian dengan rejim zionis yang mendapat sokongan dan dokongan dari dunia barat yang diketuai Amerika Syarikat. Umat Islam Palestin menangis air mata darah mempertahankan Masjid al-Aqsa yang sedang dirampas oleh rejim Zionis dengan sokongan dan dokongan dunia barat.

### **Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini. Marilah kita menghayati dan mengambil pengajaran daripada perkara-perkara berikut:

1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa mempertahankan dan menyelamatkan Masjid al-Aqsa adalah tuntutan aqidah.
2. Umat Islam wajib bersatu berganding bahu untuk membina kekuatan ummah bagi mempertahankan maruah umat Islam.
3. Umat Islam hendaklah berusaha untuk mengembalikan semula kegemilangan Islam yang pernah dikecapi sebelum ini kerana perpecahan membawa kepada kehancuran dan kehinaan.
4. Umat Islam mestilah istiqamah mengimarahkan masjid-masjid demi meraih rahmat Allah SWT dan keredhaannya.



5. Umat Islam hendaklah menghulurkan derma, sebarang bantuan termasuk doa bagi membantu pembebasan Palestin dan Masjid al-Aqsa.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
الَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ  
وَأَنْفُسِهِمْ أَعْظَمُ دَرَجَةً عِنْدَ اللَّهِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ ﴿٢٠﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka adalah lebih besar dan tinggi darjatnya di sisi Allah (daripada orang-orang yang hanya memberi minum orang-orang haji dan orang-orang yang memakmurkan masjid sahaja), dan mereka itulah orang-orang yang berjaya".

(Al-Taubah: 20).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ  
هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

\*\*\*\*\*





## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى  
آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ  
الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ،  
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan menyedari bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Oleh itu marilah kita sentiasa memperbanyakkan solawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا  
صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ  
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ  
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ  
أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ  
وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا  
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،  
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ  
تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ  
الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ  
سَلَاطُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه  
الحاج، ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد  
العزیز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهِدَايَةَ  
وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ  
سَلَاطُورِ، تَغْكَوْ أَمِيرِ شَاهِ، ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ



الدِّينِ ادریس شاه الحاج، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ  
بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ  
عُمْرَهُمَا، مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،  
وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, lindungilah kami daripada bala bencana dan peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran sesat seperti Syiah, serta ajaran-ajaran lain yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ya Allah bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfaqkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.



رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا  
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ  
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ  
لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*\*\*\*